
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PGT 431E – General School Administration

Time : 3 hours

Before you begin this examination, please note that this paper consists of FIVE printed pages.

(Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini).

INSTRUCTION/ARAHAN

Answer **Question 1** in **SECTION A** and **three** other questions in **SECTION B**.

(Jawab Soalan 1 dalam BAHAGIAN A dan tiga soalan yang lain dalam BAHAGIAN B).

Students are allowed to answer all questions in English **OR** Malay **OR** a combination of both.

*(Pelajar dibenarkan menjawab semua soalan dalam bahasa Inggeris **ATAU** bahasa Malaysia **ATAU** kombinasi kedua-duanya).*

...2/-

SECTION A (40 Marks)

1. School activities will have to be carefully planned and executed meticulously to ensure that the school programme for the year is implemented smoothly and in an orderly manner.

a) What are the aspects that need to be planned to ensure that teaching and learning and other activities would be well organised and implemented efficiently.

(20 marks)

b) A school Principal/Headmaster also functions as an instructional leader.

i) Explain the role of the school Principal/Headmaster in implementing the above function.

(10 marks)

ii) In your opinion are present day Principals/Headmasters able to play their role of instructional leaders effectively. Support your discussion with suitable reasons.

(10 marks)

SECTION B (60 Marks)

2. Monitoring the security and emergency aspects of a school need to be looked into seriously.

a) What are the security and emergency aspects meant by the above statement?

(10 marks)

b) Why are the aspects important and need to be monitored?

(10 marks)

...3/-

3. A PTA is an important organization which can help the school in various ways.
- a) What are the projects/activities that can be implemented by a PTA to assist a school achieve its objectives?
(10 marks)
- b) There are many volunteer/welfare and non-governmental organizations (NGO's) in our country.

Give examples of these organizations and explain how the school authorities can solicit assistance and cooperation from these bodies, to improve school performance.
(10 marks)
4. a) Curriculum development, implementation and evaluation is an on going process. Discuss.
(10 marks)
- b) Remedial and Enrichment programmes should be implemented in schools.
- i) What do you understand by these two activities?
(5 marks)
- ii) Why are these two programmes important in our system of education.
(5 marks)
5. School functions like Speech Days, School Sports and School Open Days etc. are held every year.
- a) Why are these functions important and held every year?
(10 marks)
- b) Explain the necessary actions that will have to be taken by a school Principal/Headmaster to ensure that the Speech Day of the school is well arranged and smoothly organised.
(10 marks)

TERJEMAHAN

BAHAGIAN A (40 Markah)

1. Perancangan aktiviti persekolahan merupakan sesuatu yang seharusnya diatur dan dikendalikan dengan teliti untuk memastikan program persekolahan dilaksanakan dengan lancar dan terancang sepanjang tahun.
- a) Apakah aspek-aspek yang perlu dirancang untuk memastikan bahawa pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti-aktiviti lain dapat dilaksanakan dengan cekap, kemas dan teratur.
(20 markah)
- b) Pengetua/Guru Besar juga berfungsi sebagai seorang 'instructional leader'.
- i) Huraikan peranan Pengetua/Guru Besar dalam melaksanakan fungsi tersebut.
(10 markah)
- ii) Pada pendapat anda adakah Pengetua/Guru Besar masa kini merupakan seorang 'instructional leader' yang berkesan. Beri alasan bagi mengukuhkan hujah tersebut.
(10 markah)

BAHAGIAN B (60 Markah)

2. Mengawasi keselamatan dan kecemasan sekolah merupakan suatu aspek yang seharusnya dititik beratkan.
- a) Apakah aspek-aspek keselamatan dan kecemasan yang dimaksudkan itu?
(10 markah)
- b) Mengapakah aspek-aspek tersebut penting dan perlu diawasi.
(10 markah)

3. PIBG merupakan suatu badan yang sangat penting dan dapat membantu sekolah dalam pelbagai aspek.
- a) Apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh PIBG untuk membantu sekolah mencapai matlamatnya.
(10 markah)
 - b) Terdapat banyak badan-badan sukarela/kebajikan serta Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO's) yang lain di negara kita.

Beri contoh-contoh badan-badan tersebut dan terangkan bagaimana pihak sekolah dapat memperolehi bantuan dan kerjasama badan-badan ini bagi meningkatkan keberkesanan prestasi sekolah.
(10 markah)

4. a) Penggubalan, pelaksanaan dan penilaian kurikulum merupakan suatu proses yang berterusan. Bincangkan.
(10 markah)
- b) Rancangan PEMULIHAN dan PENGAYAAN perlu dilaksanakan di sekolah-sekolah.
- i) Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan kedua-dua aktiviti tersebut.
(5 markah)
 - ii) Mengapakah kedua-dua aktiviti tersebut penting dalam sistem pendidikan di negara kita.
(5 markah)

5. Majlis-majlis sekolah seperti Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah, Sukan Sekolah, Hari Terbuka dll. merupakan upacara yang diadakan tiap-tiap tahun.
- a) Mengapakah majlis-majlis tersebut perlu dan penting diadakan?
(10 markah)
 - b) Terangkan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh seorang Pengetua/Guru Besar untuk memastikan bahawa Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah di sekolahnya dikelolakan dengan begitu cekap, lancar dan teratur sekali.
(10 markah)